

**UCAPAN PRESIDEN UMNO MERANGKAP
PERDANA MENTERI MALAYSIA, DI PER-
HIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KEDUA
PULUH EMPAT DI NIRWANA BALL ROOM,
HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA
30HB JUN, 1973**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara-saudara sekalian,

Pada pagi yang berbahagia ini, kita bersama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana berkat taufik dan hidayahNya kita dapat berkumpul beramai-ramai di Bandaraya Kuala Lumpur ini dalam Perhimpunan Agung UMNO yang kedua puluh empat ini.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan sekalian yang datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri Perhimpunan ini.

Perhimpunan Agong yang kedua puluh empat ini berlangsung pada ketika Ibu Negara sedang berada di ambang sejarah barunya dengan mendapat taraf Wilayah Persekutuan. Peristiwa ini sangatlah penting bagi Negara dan masa hadapannya. Begitu juga dengan pemindahan Ibu Negeri Selangor ke Shah Alam akan mengukirkan sejarah baru bagi kegemilangan Negeri Selangor.

Saya suka merakamkan ucapan junjung kasih terhadap D.Y.M.M. Sultan Selangor¹ di atas kemurahan hati dan pandangan jauh Baginda dan terima kasih kepada Kerajaan Selangor yang diketuai oleh Datuk Harun Idris kerana telah mempersetujuan langkah ini bagi kepentingan Bangsa dan Negara. Saya telahpun meminta Datuk Harun² supaya membina Shah Alam untuk mencerminkan Dasar Ekonomi Baru agar Ibu Negeri yang baru itu menjadi bandar contoh dalam usaha kita menyusun semula masyarakat. Inilah peluang keemasan bagi kita membetulkan kesilapan masa lampau yang menyebabkan keadaan tidak seimbang dalam masyarakat.

¹ Y.M. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah.

² Y.B. Menteri Besar Selangor.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah kali kedua Perhimpunan Agung UMNO diadakan di bawah Perlembagaannya yang baru dan sesuai dengan itu kali ini kita hanya mengadakan Persidangan tanpa memilih pucuk pimpinan yang baru. Pemilihan Ahli-ahli Majlis Tertinggi akan diadakan pada Perhimpunan Agung UMNO yang kedua puluh enam pada tahun 1975.

Rasanya eloklah juga saya sebutkan iaitu Hotel Hilton yang kita pilih sebagai tempat Perhimpunan Agung tahun ini, 35% daripada sahamnya dimiliki oleh PERNAS dan kalau kemudahan-kemudahan yang ada di Hotel ini memuaskan dan saudara-saudara berasa senang dan selesa, berilah pujian kepada PERNAS dan Yang Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh.³ Sebaliknya, kalau ada kekurangan dalam persiapan Perhimpunan Agung ini, saudara-saudara berdepanlah dengan Datuk Senu, Setiausaha Agung kita. Saya dengar Datuk Senu fasih betul dengan ilmu alam Bangunan Hotel Hilton ini dan saya diberitahu tempat yang dia suka sekali ialah tingkat keempat. Saya tidak tahu apa yang ada di tingkat empat itu. Dengar-dengar ada Health Centre—Pusat Kesihatan!

Saudara-saudara sekalian,

Melihatkan ramainya bilangan wakil yang hadir di sini, jelaslah bahawa parti kita sekarang dalam keadaan yang kukuh dan membanggakan. Perpaduannya teguh, pandangan rakyat terhadapnya semakin meningkat dan ramai bakat muda di samping ahli-ahli lama yang memberi nafas baru dan kekuatan kepada perjuangan parti kita untuk menghadapi tahun-tahun tujuh puluhan.

Dengan kehendak dan izin Allah, dan dengan kesediaan ahli-ahli UMNO untuk terus berkorban, saya yakin masa depan yang cemerlang bagi bangsa dan keturunan kita akan terjamin. Tetapi eloklah juga saya mengingatkan bahawa dalam tahun-tahun tujuh puluhan, perjuangan politik dan ekonomi adalah lebih sulit dan sukar daripada masa-masa yang lampau. Kita sebagai satu parti hendaklah mempunyai sifat-sifat yang handal dan semangat waja untuk mempertahankan kekuasaan politik yang ada pada kita.

Tegasnya, jika kita mahu mara ke hadapan untuk terus memperjuangkan dasar parti kita dan kepentingan Negara, ahli-ahli

³ Pengerusi PERNAS.

UMNO mestilah memperbaiki lagi sifat dan peribadi, mempunyai ketabahan dan keazaman untuk menentukan structure ekonomi dan politik Malaysia di masa depan.

Saya terpaksa menekankan betapa pentingnya kita meninggikan lagi semangat patriotism dan peribadi kita kerana saya bimbang telah ada tanda-tanda di setengah-setengah tempat beberapa orang pemimpin UMNO sendiri menjadi "unsur-unsur kemerosotan" itu. Jika ini tidak dikawal pada awal-awal lagi, sudah tentu akan melemahkan dan merosakkan imej parti kita di situ dan lama kelamaan ia boleh merebak ke tempat-tempat lain.

Saudara-saudara sekalian,

Kejayaan-kejayaan UMNO selama lapan belas tahun yang lalu, tegasnya semenjak Julai 1955 semasa kita memenangi Pilihanraya Federal yang pertama hingga hari ini, sepatutnya menjadi inspirasi kepada semua pemimpin UMNO di semua peringkat Tetapi sebaliknya, kepada setengah-setengah pemimpin UMNO, kejayaan cemerlang itu menyebabkan mereka "berpuas hati" dan ada di antara mereka yang terang-terang bekerja hanya untuk kepentingan did dan menyeleweng daripada semangat "Bersatu, Bersedia dan Berkhidmat" kepada parti, rakyat dan negara.

Memang benar parti kita sekarang masih kuat tetapi kalau kita tidak menjaga dan mengawalinya, tak dapat tiada ia akan menjadi lemah. Kita mesti ingat bahawa apa yang naik akhirnya turun juga dan apa yang di atas akhirnya ke bawah juga. Perbezaannya ialah masa dan kewaspadaan masing-masing. Ini adalah adat dunia dan hakikat sejarah.

Ada parti yang berkuasa, selepas itu malap dan terus mati sesingkat satu penggal pilihanraya selama lima tahun sahaja. Parti kita telah memerintah negara ini selama lapan belas tahun. Parti Kongres India telah memerintah dua puluh enam tahun dan Social Democratic Labour Party di Sweden telah memerintah negara itu semenjak tahun 1936 iaitu tiga puluh tujuh tahun berturut-turut tanpa kalah sekalipun.

Dari perbandingan yang saya sebutkan tadi, saya yakin jika hasrat parti kita sentiasa disesuaikan dengan hasrat rakyat, maka kita boleh terus memerintah negara lebih daripada empat puluh atau seratus tahun jika dari masa ke masa kita mengadakan penilaian semula serta menerima perubahan-perubahan yang

dikehendaki oleh zaman dan jika dari masa ke masa kita memberi peluang kepada bakat-bakat baru untuk muncul ke hadapan memegang tanggungjawab yang dikehendaki daripada mereka.

Kita sentiasa memberi peluang kepada jenerasi-jenerasi muda untuk menceburkan diri dalam UMNO asalkan mereka patuh kepada dasar dan perjuangan parti. Dengan cara demikian, kita dapat menjamin kekuatan parti dan menghindarkan timbulnya jurang jenerasi. Pucuk pimpinan tertinggi parti kita sentiasa memperhatikan kehendak-kehendak majority ahli parti dan juga sedia menyesuaikan kedudukan parti dengan peredaran dan kehendak-kehendak zaman.

Saudara-saudara sekalian,

Saya percaya saudara-saudara sekalian telah dapat mengikuti dan memahami akan perubahan-perubahan politik dan socio-ekonomi yang telah berlaku semenjak bulan Jun tahun lepas. Saya yakin saudara-saudara akan terus memahami perkembangan-perkembangan politik dan socio-ekonomi selanjutnya dengan mendampingi dan merapatkan diri dengan parti dan Kerajaan melalui wakil-wakil dan pegawai-pegawainya di semua peringkat selain daripada perjumpaan-perjumpaan dan dialog yang kita adakan dari masa ke masa.

Kita bersyukur parti Perikatan pada hari ini kuat kerana adanya persefahaman antara parti-parti gabungannya dan juga antara pucuk pimpinannya. Persefahaman ini saya yakin akan terus wujud dan saya harap dialog dan majlis-majlis ceramah akan diadakan untuk pemimpin-pemimpin parti-parti gabungan di lapisan kedua dan di semua peringkat supaya mengeratkan lagi muhibbah dan silaturrahim antara satu sama lain.

UMNO, sebagai rakan MCA dan MIC, suka melihat kedua-dua rakan kita itu kuat, teguh dan bersatu padu kerana dengan kekuatan mereka teguhlah Perikatan dan kalau mereka lemah nescaya Perikatan juga turut merosot atau kurang bertenaga sebagai parti yang mewakili tiga kaum yang terbesar di negara ini—Melayu, Cina dan India.

Dalam hubungan ini, sudah barang tentu UMNO berasa khuatir dengan krisis pimpinan yang berlaku dalam parti-parti rakan kita MCA dan MIC, seperti juga saya percaya MCA dan MIC akan berasa demikian jika keributan timbul dalam UMNO. Sebagai

Presiden UMNO, saya sentiasa bersedia untuk menolong menyelesaikan krisis-krisis itu jika diminta berbuat demikian, kerana saya fikir itu adalah satu dari tugas-tugas saya sebagai Pengerusi Perikatan.

Namun demikian, pada pendapat saya, adalah lebih wajar jika "internal crisis" atau krisis dalam rumahtangga sendiri itu diselesaikan sendiri. Saya hanya akan campurtangan jika krisis itu boleh merosakkan perpaduan antara parti-parti anggota dalam Perikatan atau jika krisis itu boleh mengancam harmoni rakyat yang berbilang kaum yang bermastautin di tanahair kita.

Berkenaan dengan MIC, saya berterimakasih kepada pucuk pimpinan MIC kerana telah meminta saya campurtangan untuk menyelesaikan krisis dalam MIC lebih kurang satu setengah tahun dahulu. Dalam penyelesaian itu, saya telah menasihatkan Tun Sambanthan,⁴ Presiden MIC, supaya mengundurkan diri dan menyerahkan ketuaan parti kepada pemimpin yang baru, Tan Sri Manikavasagam, pada bulan Jun tahun ini. Tan Sri Manikavasagam nampaknya boleh mendapat sokongan daripada ahli-ahli MIC dan Tan Sri Manikavasagam⁵ pula tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh memecahbelahkan parti MIC.

Saya berterimakasih kepada pucuk pimpinan MIC dan kedua rakan kita, Tun Sambanthan dan Tan Sri Manikavasagam, di atas taat setia mereka dan kejujuran mereka untuk menerima nasihat saya itu.

Tun Sambanthan telahpun memenuhi perjanjiannya dengan saya dengan pengumuman beliau pada 27hb Jun lalu yang beliau mengundurkan diri daripada jawatan Presiden MIC hari ini. Saya berharap dengan langkah yang jujur dan pengorbanan yang dibuat oleh Tun Sambanthan itu, ahli-ahli MIC akan bersatu-padu di bawah pimpinan yang baru.

Kita semua menjunjung tinggi pengorbanan Tun Sambanthan dan jasa-jasa beliau kepada Bangsa dan Negara selama lapan belas tahun beliau memegang teraju pimpinan MIC dan sebagai seorang pemimpin parti Perikatan. Saya telah meminta beliau supaya terus berkhidmat dalam Kerajaan sebagai seorang Menteri Kanan supaya beliau dapat menyambung perkhidmatan dan sumbangannya kepada Bangsa dan Negara. Saya yakin dan percaya pengunduran

⁴ Y.B. Menteri Perpaduan Negara.

⁵ Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tun Sambanthan itu akan tercatat dalam sejarah negara sebagai satu pengorbanan yang jujur yang akan diingati selama-lamanya.

Saudara-saudara sekalian,

Berkenaan dengan M C A, semenjak parti Perikatan ditubuhkan dua puluh tahun lamanya, kita dalam UMNO telah bekerjasama erat dengan pemimpin-pemimpin M C A kerana kita mempunyai persefahaman mengenai dasar-dasar penting terhadap Bangsa dan Negara dan persetujuan iaitu dalam apa perkara juga yang kita buat kita mestilah mengutamakan kepentingan negara dan perpaduan rakyat. Cara kita mendapat persetujuan ialah menerusi perundingan bukan dengan ugutan; dan jika timbul apa-apa perselisihan, kita sentiasa selesaikan dengan mengutamakan kepentingan Negara. Bagi kita UMNO, kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan kita pemimpin-pemimpin M C A yang ada sekarang ini yang telah menunjukkan kejujuran terhadap kepentingan Negara dan perpaduan rakyat.

Begitu jugalah kita telah dapat bekerjasama dengan parti-parti yang dahulunya parti pembangkang iaitu parti PAS, parti Gerakan di Pulau Pinang, parti PPP di Perak dan juga parti SUPP di Sarawak. Parti-parti ini menerima dasar yang dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini dan jika hendak diadakan apa-apa perubahan samada dari segi dasar dan juga dari segi pelaksanaannya, kita akan mengadakan perundingan-perundingan dari masa ke masa.

Asas kerjasama kita ialah kejujuran dan keikhlasan hendak berbaik-baik dan berkhidmat bersama-sama untuk perkembangan dan kemajuan negara kerana perkara-perkara ini adalah bergantung kepada kestabilan politik dan ekonomi. Kita bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa Kerajaan Campuran Perikatan/PAS, Perikatan/Gerakan di Pulau Pinang dan Perikatan/PPP di Perak adalah berjalan dengan baik dan konsep Kerajaan Campuran ini semakin hari semakin dapat difahami oleh penyokong-penyokong kita dan parti-parti rakan kita di semua peringkat.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam masa satu tahun yang lepas, negara kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam semua bidang. Rancangan-rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sedang berjalan dengan lancar menuju matlamat yang ditetapkan. Kedudukan

ekonomi dan kewangan negara adalah kukuh dan terus berkembang. Saya dan rakan-rakan seperjuangan dalam Jemaah Menteri dan pucuk pimpinan parti sentiasa mengkaji langkah-langkah dan strateji baru untuk menjaga kepentingan negara dalam bidang ekonomi, perhubungan antarabangsa dan pertahanan.

Seperti saudara-saudara maklum, baru-baru ini Kerajaan telah mengambil keputusan mengapungkan ringgit kita atau float our currency against the US dollar. Langkah ini mustahak diambil untuk menjamin supaya ringgit Amerika yang telah jatuh nilainya itu tidak masuk ke negara kita dengan banyaknya yang mana boleh merugikan kita. Begitu juga kalau tidak diapungkan nilai pertukaran ringgit kita ke atas, nescaya kedudukan wang kita akan jatuh jika dibandingkan dengan wang negara-negara lain dan ini boleh menyebabkan ringgit Malaysia dibawa keluar ke negara-negara lain. Kekuatan ringgit kita selepas kita membuat keputusan itu adalah terbukti dengan naiknya nilai ringgit kita beberapa hari yang lalu di pasaran matawang dunia. Ini dengan jelas menunjukkan kekuatan ringgit kita itu. Di sini saya suka memberi kepujian kepada Y.B. Tun Tan Siew Sin⁶ kerana sebagai Menteri Kewangan sentiasa menjaga dengan cermatnya kedudukan kewangan Negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, kita berusaha meningkatkan kemajuan di bidang rohaniah sambil menumpukan tenaga kepada pembangunan physical dan kebendaan. Pembangunan dan kemajuan rohaniah yang sesuai dengan Islam sebagai Ugama Rasmi Negara sentiasa mendapat perhatian dari saya sendiri kerana adalah menjadi hasrat saya agar nilai-nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha pembangunan dan kemajuan negara seperti yang terkandung dalam Rukunegara. Tegasnya, pembangunan rohaniah hendaklah bergerak bersama-sama dengan pembangunan physical supaya sentiasa seimbang perkembangan kedua-duanya itu.

Dalam hubungan ini, khasnya dalam usaha kita meninggikan syiar Islam di Negara kita, saya suka menyebutkan di sini iaitu pembinaan Kompleks Pusat Islam berhampiran dengan Masjid Negara dijangka siap akhir tahun ini. Alhamdulillah, akan terlaksanalah cita-cita kita bagi menempatkan Pejabat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Pusat Penyelidikan Islam (Research

⁶ Y.B. Menteri Kewangan.

Centre), Institiut Dakwah Islamiah bersekali dengan asramanya dan Pusat Hafaz Quran dalam satu Kompleks dengan keadaan yang lebih sempurna. Di samping itu, saya suka menyentuh juga berkenaan penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah yang merupakan jentera Pusat untuk menyelaraskan dan menggembelingkan usaha-usaha Dakwah Islamiah di seluruh negara.

Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam sedang giat menyemak undang-undang Nikah dan Cerai dan sebuah Jawatankuasa telah dibentuk bagi menjalankan tugas ini. Tujuan penyemakan itu ialah hendak memperkemaskan lagi pentadbiran undang-undang keluarga khasnya bagi mengatasi masalaah berlakunya banyak perceraian dan poligami. Sebuah jawatankuasa lagi sedang membuat kajian mengenai taraf Mahkamah Syariah dengan tujuan meninggikan taraf Mahkamah ini supaya tidak kurang daripada taraf Mahkamah Majistret. Setelah selesai usaha menerbitkan Kitab Tafsir Al-Quran, sekarang Majlis sedang mengusahakan Himpunan Tafsir Hadith yang dijangka akan siap dalam tempoh tiga tahun.

Mengenai pengiktirafan ijazah-ijazah luar negeri, saya suka menyatakan di sini bahawa dengan arahan saya, Jawatankuasa Penilaian Ijazah-ijazah luar negeri telah memberi pengiktirafan penuh kepada ijazah-ijazah dari negara-negara Asia Barat dan saya percaya ini akan merupakan pendorong kepada siswazah-siswazah kita yang ramai belajar di pusat-pusat pengajian tinggi dari Asia Barat untuk memainkan peranan yang berkesan untuk pembangunan mental, rohaniah dan lahiriah masyarakat dan negara.

Saya suka juga menyebut sambil lalu iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji makin maju setapak demi setapak ke arah matlamatnya. Dalam pada itu Kerajaan akan terus memberikan seberapa banyak kemudahan kepada bakal-bakal jemaah haji kita sambil cuba seberapa boleh mengurangkan kesulitan mereka semasa dalam perjalanan pergi dan balik ke Tanah Suci.

Saudara-saudara sekalian,

Berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kedua, pada masa ini Kerajaan sedang membuat penyemakan Penggal Pertengahan atau Mid-Term Review untuk mengetahui sejauh mana projek-projek pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru telah berjaya dilaksanakan sambil meneliti kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaannya. Penyata penyemakan itu dijangka akan selesai

dalam bulan November selewat-lewatnya dan akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat untuk pengetahuan umum.

Bagaimanapun, saya suka menyatakan di sini, saya sendiri yakin bahawa segala projek pembangunan yang telah diatur itu dapat dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Tetapi, barangkali matlamat mengenai penyusunan semula masyarakat tidaklah dapat dicapai untuk beberapa waktu olch kerana hal ini berkait dengan masaaalah manusia—perubahan sikap dan nilai-nilai hidup serta ilmu dan kemahiran yang dikehendaki. Oleh itu perlulah masa yang lebih panjang daripada yang dijangka. Walaupun begitu, Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai cita-cita dan matlamat yang maha penting itu.

Dalam hubungan ini, Kerajaan bersungguh-sungguh hendak menolong rakyat Bumiputra menyertai dunia perniagaan, kewangan dan perindustrian dan dengan itu mempercepatkan kita mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan tiga puluh peratus dari sektor swasta oleh Bumiputra pada semua peringkat Tidaklah perlu diragu-ragukan lagi kerana jelas dapat dilihat melalui usaha-usaha Kerajaan yang tidak putus-putus, baik secara langsung atan tidak langsung, iaitu melalui badan-badan berkanun dan ajensi-ajensi Kerajaan yang lain seperti PERNAS, MARA, UDA, RISDA, FIMA, Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Kemajuan Ikan, Bank Pertanian, Bank Rakyat dan Bank Bumiputra.

Pada 4hb April yang lalu, saya telah merasmikan Seminar Ekonomi Bumiputra yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan dan Gabungan Dewan-dewan Peraiagaan Melayu Malaysia. Ini adalah satu Seminar yang penting dan satu-satunya cara Kerajaan bekerja-sama dengan pihak swasta Bumiputra untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan sedang berusaha mencari jalan untuk melahirkan sebilangan yang besar gulungan executive Bumiputra bagi mengisi kekosongan dalam bidang swasta; penubuhan satu Unit Khas di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menolong pemodal Bumiputra, besar dan kecil, menanam modal dalam syarikat swasta yang maju serta mempunyai prospect baik dan dengan itu dapat memberi keuntungan kepada mereka yang membeli sahamnya.

Kementerian itu juga sedang mengkaji penyertaan kaum Bumiputra kadar 30% dalam bidang pengedaran dan pemasaran barang-barang. Bidang ini kita tahu sangat menguntungkan dan

patutlah kita menyertainya. PERNAS, Perbadanan Ekonomi Negeri, Syarikat-syarikat Kerjasama seperti Shamelin digesa supaya segera menyertai lapangan yang lumayan ini sambil berkhidmat kepada rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga memberitahu iaitu Bank Bumiputra sekarang sedang berusaha menubuhkan Bank Pembangunan atau Development Bank. Bank ini diharap dapat mulai menjalankan perniagaannya pada akhir tahun kelak. Ini adalah satu lagi sumber modal untuk perniagaan dan industri selain daripada Bank Bumiputra, Malayan Banking, Bank Rakyat dan Credit Guarantee Corporation yang sedia ada untuk memberi kemudahan pinjaman sederhana tanpa cagaran. MARA, PERNAS, UDA, PKN dan Syarikat-syarikat Permodalan juga memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah modal bagi pengusaha-pengusaha Bumiputra.

Amanah Saham MARA juga dapat sambutan yang semakin meningkat dari orang-orang Melayu dan kini bercadang akan menjalankan perniagaan jual beli saham melalui anak syarikatnya iaitu Broker Malaysia Sendirian Berhad. Saya percaya usaha Amanah Saham MARA ini akan menarik minat kaum Bumiputra dan membuktikan mereka sekarang sedar betapa pentingnya ekonomi kewangan.

Penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan industri merupakan anak kunci kejayaan Dasar Ekonomi Baru tetapi hasil-hasil yang jelas hanya akan dapat dilihat dalam masa beberapa tahun lagi kerana sebagaimana saudara-saudara sekalian sedar penyertaan kaum Bumiputra dalam bidang ini semestinya merupakan proses jangka panjang. Medan ini sangat baharu kepada kita dan kita perlukan pengetahuan dan pengalaman yang tentu mengambil masa sedikit sebelum kita dapat mengambil tempat yang sewajarnya dalam bidang perindustrian dan kewangan—industry and finance.

Sesungguhnya, saya haraplah orang-orang kita sedar apabila mereka mencebur diri dalam dunia swasta, perkara penting sekali mereka mesti junjung ialah ketekunan, amanah dan setelah itu kejayaan. Sikap hendak cuba-cuba berniaga bukan untuk mendapat keuntungan yang besar, cara hidup sambil lewa, bekerja dari 8 pagi hingga 4 petang, cara hidup tradisional kais pagi makan pagi, tidaklah sesuai lagi.

Jika orang-orang kita mahu bukan sahaja hidup tetapi maju dan mendapat kejayaan, sikap lama yang saya sebutkan tadi

hendaklah disingkirkan dan dengan izin Allah, jika kita mematuhi dan sentiasa ingat apa yang saya katakan tadi, maksud dan matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dipenuhi dalam jangka waktu dua puluh tahun ini.

Satu perkara penting yang kita sedang perhebatkan ialah latihan kemahiran bagi pekerja-pekerja di kilang-kilang dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran yang kita sedang hadapi. Latihan-latihan yang sedang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, MARA dan pihak swasta adalah diselaraskan dan sijil-sijil akan dikeluarkan di peringkat rendah, menengah dan atas. Sijil-sijil ini adalah diakui oleh semua pihak—Kerajaan dan Swasta.

Satu latihan penting yang sedang dijalankan oleh MARA dengan kerjasama Kementerian Kerjaraya dan Tenaga ialah mengadakan kumpulan pekerja yang terlatih bagi perusahaan pembangunan (building works) untuk menepati kehendak-kehendak Kerajaan iaitu 30% daripada pekerjaan pembinaan Kerajaan hendaklah diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra. Pemborong-pemborong Bumiputra adalah bermakna sebahagian besar daripada pekerja-pekerja ialah Bumiputra.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam keadaan ekonomi negara sedang berkembang dengan pesatnya, kita mengalami harga barang-barang keperluan naik dalam sebulan dua ini. Kerajaan dan parti memandang berat berkenaan inflasi ini kerana saya sedar kenaikan harga barang-barang ini memberatkan kehidupan rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah dan daif. Kita telahpun mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah kenaikan harga barang-barang ini terutama sekali harga barang-barang makanan bagi mengurangkan kesusahan rakyat

Masalah inflasi ini adalah sukar hendak diatasi dengan sepenuhnya dan keadaan ini berlaku bukan di negara kita sahaja bahkan juga di seluruh dunia. Keadaan di Negara-negara sekeliling kita adalah lebih jauh buruk daripada Negara kita. Dan sebab yang besar kenaikan harga barang-barang ini ialah inflasi yang dibawa masuk dari luar kerana kenaikan harga barang-barang di negara-negara lain. Saya harap langkah kita mengapungkan nilai pertukaran ringgit kita akan dapat mengatasi sedikit sebanyak masalah ini.

Saya sedar adanya parti-parti politik dan orang-orang yang tertentu yang sedang menggunakan issue kenaikan harga barang-barang ini tetapi saya yakin rakyat tidak akan mudah terpedaya oleh mereka. Sebagai saya katakan tadi, masalah kenaikan harga barang-barang ialah masalah universal, masalah dunia tetapi Kerajaan akan terus bertindak supaya keadaan ini tidak menjadi lebih buruk lagi. Tujuan kita ialah untuk menurunkan harga barang-barang terutama barang-barang keperluan sehari-hari supaya rakyat lega sedikit dan dalam usaha ini rakyat dan ahli-ahli UMNO mestilah bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan dengan melaporkan perbuatan profiteering atau mencari untung berlebihan dan perbuatan menyorok barang-barang oleh pekedai-pekedai.

Sungguhpun begitu, dalam keadaan kita menghadapi kenaikan harga barang-barang ini, kita bersyukur ke hadrat Tuhan iaitu harga getah telah meningkat naik dan harga barang-barang keluaran utama negara kita pun telah meningkat naik. Keadaan ini adalah melegakan orang-orang kita yang duduk di luar bandar, pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun getah, kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menyatakan iaitu keselamatan Negara kita adalah baik. Ancaman komunis militan di Sarawak dan sempadan Thai adalah terkawal. Sungguhpun begitu, kita sentiasa berwaspada setiap masa untuk menghadapi segala kemungkinan yang mungkin timbul yang akan merosakkan keamanan dan mencabul kemerdekaan dan kedaulatan Negara.

Di masa akhir-akhir ini, gerakan-gerakan keselamatan di Sarawak mendapat kejayaan cemerlang dan sangat membanggakan. Ini adalah hasil daripada ketegasan dan kebijaksanaan Kerajaan Campuran Sarawak di bawah pimpinan Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub⁷ dan tidak kurang pula kerana semangat keberanian dan pengorbanan Pasukan Keselamatan kita. Insyaallah, dengan kerjasama rakyat yang taat setia dan bantuan negara-negara jiran, gerakan-gerakan menghapuskan musuh-musuh negara dan anasir-anasir jahat akan berjaya dan keamanan akan pulih di seluruh pelusuk tanahair dari Perlis ke Sabah.

⁷ Y.B. Ketua Menteri Sarawak.

Pasukan Keselamatan kita yang bertanggungjawab bagi menjaga keamanan Negara akan diperbesarkan dan dilengkapi dengan alat-alat senjata moden. Kita bersyukur kerjasama antara rakyat dengan Angkatan Bersenjata sangatlah baik dan mestilah terus dikekalkan. Sambutan terhadap Derma Tabung Kebajikan Perwira dari semua bangsa dan gulungan sangatlah menggalakkan sekali.

Matlamat kita untuk mengumpulkan \$1.5 juta telahpun tercapai dalam masa yang singkat. Saya harap Derma Tabung Kebajikan Perwira ini akan melebihi matlamatnya sekurang-kurangnya \$1 juta lagi sebelum tempoh kempen itu tamat dan saya percaya di bawah pimpinan Tun Dr Ismail, kutipan-kutipan derma akan terus mendapat sambutan dari orang ramai.

Inilah sebaik-baik cara menunjukkan rasa penghargaan dan terimakasih mereka kepada pahlawan-pahlawan Negara dengan mengisikan Tabung Kebajikan yang digunakan semata-mata untuk anak-anak dan balu-balu perajurit-perajurit kita yang gugur atau cedera dalam menjalankan tugas-tugas mempertahankan Negara kita.

Mengambil sempena ulangtahun UMNO yang kedua puluh tujuh dan sebagai tanda kesyukuran kita semua di atas jasa dan khidmat ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita, saya sukacita bagi pihak saudara-saudara dan ahli-ahli UMNO seluruhnya menderma sebanyak \$100,000 kepada Tabung Kebajikan Perwira Negara.

Saudara-saudara sekalian,

Di bidang perhubungan antarabangsa, syukur Alhamdullilah, suasana politik internasional pada umumnya semakin tenang dan kuasa-kuasa besar menunjukkan perhatian berat ke arah pengekalan keadaan detente hari ini. Lawatan Setiausaha Pertama Parti Kominis USSR, Tuan Leenid Brezhnev, ke Amerika Syarikat baru-baru ini memperkukuhkan lagi tali perhubungan antara kedua negara besar itu yang mana mendatangkan kesan yang baik kepada keamanan dunia.

Perkembangan-perkembangan terakhir mengenai langkah memulihkan keamanan dan kesetabilan di Indo Cina sangat menggalakkan dan kita berharap usaha-usaha Pasukan Pengawasan Antarabangsa akan membawa hasil baik ke arah cita-cita itu.

Dasar bebas dan berkecuali yang Kerajaan kita amalkan sekarang telah menjadikan Malaysia lebih terkenal di sisi negara-negara

dunia. Kita telahpun mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara, Jerman Timur dan Finland dan hari ini kita mengumumkan perhubungan diplomatik dengan Korea Utara.

Kita telah memulakan perundingan dengan wakil-wakil Kerajaan Republik Rakyat Cina (PRC) pada peringkat pegawai dengan tujuan hendak mengadakan Perhubungan diplomatik antara kedua negara. Kita sama-sama berharap semuga akan tercapai satu persetujuan yang akan menjadi landasan bagi mewujudkan perhubungan diplomatik itu. Sebenarnya adalah hasrat kita menjalin tali persahabatan dengan PRC untuk tujuan kepentingan bersama serta untuk keamanan dan kesetabilan rantau Asia Tenggara ini.

Kita semua maklum bahawa PRC adalah sebuah kuasa besar di benua Asia ini dan sepatutnyalah ia memainkan peranan yang wajar bagi mengekalkan keamanan dan kesetabilan di dunia sebelah sini berdasar pada prinsip-prinsip tidak campur tangan dan menghormati kemerdekaan dan keutuhan negara-negara di rantau ini.

Kerajaan akan terus memainkan peranan yang aktif sebagai anggota ASEAN untuk menguatkan kerjasama serantau untuk faedah bersama. Saya sukacita baru-baru ini saya telah dapat membuat lawatan secara tidak rasmi ke Palembang untuk berunding dan beramah mesra dengan Presiden Suharto dan Dr Adam Malik, Menteri Luar Indonesia. Begitu juga saya telah dapat mengadakan perjumpaan dan berunding dengan Perdana Menteri Thailand, Field Marshal Thanom Kittikachorn pada masa kami mengadakan pembukaan rasmi Jambatan Golok tidak berapa lama dahulu. Field Marshal Thanom Kittikachorn bersetuju membuat lawatan singkat ke Kota Bharu dan saya telah membuat lawatan balas ke Songkla. Lawatan itu telah membolehkan kami berdua membincangkan kedudukan politik international dan juga hal ehwal serantau dan hubungan antara dua negara.

Begitu juga lawatan Jeneral Ne Win, Perdana Menteri Burma, baru-baru ini ke Malaysia telah memberi peluang bagi kita mengadakan rundingan dalam suasana yang mesra untuk menguatkan lagi persefahaman dan kerjasama antara Burma dan Malaysia. Kita akan terus menjalankan apa juga langkah untuk meneguhkan keutuhan dan ketahanan Negara sebagai satu langkah positif yang dapat membawa serta mengekalkan keamanan dan kesetabilan di Asia Tenggara ini.

Cadangkan kita hendak menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali sedang hebat diperbincangkan dan dipercayai mendapat sokongan yang baik dari masa ke masa bukan sahaja oleh negara-negara di rantau ini bahkan dari negara-negara lain di dunia yang inginkan keamanan.

Saudara-saudara sekalian,

Satu-satunya peristiwa yang penting dalam medan dan sejarah politik tanahair semenjak Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu ialah tercapainya persefahaman politik antara Parti kita dengan Parti PAS yang melahirkan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS di semua peringkat pada 28hb Disember, 1972. Kerajaan Campuran Perikatan/PAS ini telah memberi makna yang besar kepada perpaduan dan kestabilan Negara dalam bentuk atau indentiti yang baru.

Kejayaan Kerajaan Campuran setakat ini ialah kerana semua yang terlibat berdiri tegak dan tegas atas kepentingan rakyat dan Negara semata-mata. Apa yang saya bayangkan dalam Perhimpunan Agung yang kedua puluh tiga dulu dengan kehendak Allah telah berlaku dan saya mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan Rabbulalamin atas petunjukNya.

Pada 22hb September yang lalu, saya telah memberi taklimat khas mengenai konsep Kerajaan Campuran Perikatan/PAS kepada Ketua-ketua UMNO dari seluruh negara. Ringkasan ucapan saya di perjumpaan tertutup itu telahpun dijadikan buku risalah dan telahpun diedarkan kepada Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan UMNO.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti dimaklum, Kerajaan Campuran adalah satu langkah ke hadapan bagi melaksanakan hasrat National Front atau Barisan Kebangsaan untuk menjamin perpaduan rakyat serta kejayaan pembangunan ekonomi dan pembentukan masyarakat yang lebih adil, makmur dan kuat di negara yang kita kasihi ini.

Dalam enam bulan yang lepas, hasrat National Front itu telah dilaksanakan. Kita telah memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin PAS memegang jawatan dan duduk dalam jawatan-kuasa-jawatankuasa di peringkat Pusat dan di Negeri Trengganu dan Kedah, sementara beberapa orang pemimpin UMNO mendapat

kedudukan yang sewajarnya dalam Kerajaan PAS di Kelantan. Jawatankuasa Penyelaras Kerajaan Campuran yang dipengerusikan oleh Tim Dr Ismail⁸ dengan Datuk Asri⁹ telah mengadakan mesyuaratnya beberapa kali dan hingga kini semua masalah-masalah yang timbul telah dapat diselesaikan.

Sambil itu, adalah baik bagi kedua-dua pihak dari satu masa ke satu masa sentiasa berunding untuk melicinkan lagi perjalanan dan pelaksanaan butir-butir Persetujuan yang telah dicapai antara kita dengan PAS itu. Datuk Asri dan saya telahpun bersetuju supaya seberapa boleh langkah-langkah penerangan dijalankan bersama oleh pihak kita dengan PAS supaya penyokong kedua-dua parti itu dapat faham betul-betul konsep Kerajaan Campuran itu.

Begitu juga saya berharap ketua-ketua Kerajaan di negeri-negeri selain dari Trengganu dan Kedah akan dapat menunjukkan kerjasama dengan pihak PAS di negeri masing-masing. Sungguhpun dalam butir-butir persetujuan Kerajaan Campuran itu kita telah tegaskan iaitu soal pilihanraya umum akan datang belumlah diputuskan lagi akan tetapi harapan saya ialah dengan adanya Kerajaan Campuran berjalan dengan baik kita akan dapat mengadakan kerjasama dan persefahaman dalam pilihanraya umum yang akan datang apabila sampai masanya kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah menjelaskan tadi berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita dan juga Rancangan Malaysia Kedua amnya akan tetapi satu perkara yang saya suka sebutkan khas di sini ialah mengenai kemajuan dalam lapangan pelajaran. Kita sangat berpuashati dengan perkembangannya tetapi seperti yang kita jangkakan dari masa ke masa tak dapat tiada masalah rumit akan timbul dalam lapangan pelajaran itu.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan tahniah kepada Y.B. Menteri Pelajaran Datuk Hussein Onn, kerana dengan kejujuran dan ketegasannya telah dapat menyelesaikan masalah yang rumit itu dan meredakan ribut yang melanda baru-baru ini.

Begitu juga kita berterimakasih kepada beliau kerana telah dapat menyediakan Laporan mengenai Masalah Keciciran Murid-murid.

8 Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

9 Y.B. Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas.

Laporan ini adalah penting bagi ahli-ahli UMNO mengkajinya dengan mendalam kerana ini mempunyai kaitan yang jelas dengan masyarakat kita di luar bandar. Kerajaan sedang menyemak Laporan ini untuk mengambil tindakan yang difikirkan perlu.

Satu perkara lagi yang sangat membanggakan kita di lapangan pelajaran ialah konvokesyen Pertama Universiti Kebangsaan pada hari Sabtu yang lalu. Dengan kejayaan kita mengeluarkan angkatan siswazah yang pertama daripada Universiti Kebangsaan ini adalah menunjukkan bahawa dasar dan hasrat kita untuk memberikan tempat yang sewajarnya kepada Bahasa Ibunda dalam sistem pelajaran kebangsaan telah berhasil.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita juga memberitahu tentang beberapa perubahan dalam Pertubuhan kita, termasuklah pembaharuan Ibu Pejabat UMNO Malaysia dengan pentadbiran cara moden setaraf dengan peranannya sebagai parti pemerintah yang ulung. Pembaharuan ini baharu sahaja berlaku di peringkat atas dan saya percaya apabila semua Bahagian mempunyai Setiausaha Organisasi masing-masing maka perubahan dan permodenan ini akan dapat dilaksanakan di peringkat Bahagian dan juga Cawangan.

Berkenaan dengan perlantikan Setiausaha Organisasi untuk Bahagian, Ibu pejabat setakat ini telah menerima sebanyak 236 permohonan dan saya diberitahu permohonan masih diterima lagi oleh Ibu Pejabat walaupun tarikh tutup permohonan ialah pada bulan Mac. Dukacita saya setengah-tengah Bahagian tidak begitu mengambil berat tentang arahan Ibu Pejabat terhadap perkara ini yang menyebabkan perlantikan lambat dijalankan. Sehingga hari ini, saya telahpun meluluskan perlantikan seramai dua puluh orang daripada jumlah enam puluh lapan calon untuk negeri-negeri Kedah, Perlis, Trengganu dan Perak. Saya berharap perlantikan keseluruhannya akan dapat diselesaikan sebelum akhir bulan Ogos ini.

Semua calon-calon yang telah dilantik dan yang akan dilantik akan mengikuti kursus-kursus yang akan membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas Setiausaha Organisasi dengan sempurna. Tugas utama mereka ialah untuk menentukan agar jentera Parti kita di peringkat Bahagian sentiasa bergerak untuk kemajuan rakyat. Ini tidaklah bermakna Setiausaha Organisasi ini akan

mengambil alih tugas Setiausaha Bahagian. Tugas dan tanggungjawab mereka ialah melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa parti selaras dengan arahan-arahan Ibu Pejabat.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang saudara-saudara perhatikan, mulai tahun ini Penyata UMNO telah dirangka semula untuk memberi emphasis kepada peranan UMNO di peringkat kebangsaan dan kandungannya diselaraskan dengan kehendak emphasis yang baharu itu. Setelah mengkaji Penyata-penyata yang lepas, saya dapati peranan UMNO sebagai parti pemerintah yang ulung tidaklah diberikan tumpuan di dalam Penyata Tahunan dan ini sangatlah merugikan kita kerana ahli-ahli sejarah mungkin akan mengkaji balik di dalam masa lima atau sepuluh tahun akan datang. Penyata cara baharu ini membolehkan mereka membuat kajian-kajian dan memberi penilaian yang sebenaraya kepada peranan kita. Penyata Tahunan ini mengandungi laporan-laporan lengkap mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh parti kita di seluruh peringkat dari segi politik nasional, termasuk laporan-laporan Pergerakan Pemuda dan Wanita. Ini adalah selaras dengan kehendak-kehendak Undang-undang Pendaftaran Pertubuhan dan juga Perlembagaan kita.

Saya juga suka memaklumkan bahawa pelan atau blue-print bangunan UMNO yang baharu di Jalan Maxwell telahpun hampir siap dan saya berharap Ibu Pejabat UMNO akan dapat berpindah ke bangunan baharu itu sebelum akhir tahun 1975. Bangunan UMNO yang baharu ini akan benar-benar mencerminkan peribadi UMNO sebagai parti yang ulung dan merupakan tiang seri bagi kestabilan negara kita. Saya berharap pelan-pelan bangunan UMNO akan dapat dipamirkan di dalam Konvensyen UMNO bulan Ogos kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah mustahak parti kita terus berkuasa untuk mengekalkan harmoni antara kaum dan menjamin keselamatan dan kestabilan Negara. Tanggungjawab memimpin dan membimbing rakyat jelata amatlah berat. Kita tidak akan dapat memenuhi tanggungjawab ini kalau sekiranya kita tidak berusaha setiap masa meninjau, mengkaji, meneliti dan membuat perubahan-perubahan yang perlu dari masa ke masa.

Organisasi parti ialah alat kita untuk mencapai dan melaksanakan dasar-dasar dan matlamat parti dan Negara. Oleh itu parti kita harus 'experiment' dengan cara-cara baru. Kita harus mendidik pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang cergas dan mempunyai pengetahuan dan ilmu untuk memimpin rakyat. Organisasi sebagai alat pelaksanaan dasar, mestilah kemas dan efficient setiap waktu.

Peranan UMNO dalam tahun-tahun tujuh puluhan ialah memimpin rakyat untuk mencapai cita-cita restructuring of a new society—menyusun semula dan melahirkan satu masyarakat yang baru dan adil dan membina satu bangsa dan negara yang berdisiplin. Ini adalah satu perkara yang UMNO belum pernah cuba membuatnya di masa yang lalu.

Semenjak kita memulakan tugas yang maha penting ini selepas Peristiwa 13 Mei, kita telah mendapat berbagai-bagai pengalaman. Kita sekarang tahu bahawa yang penting untuk menjayakan tugas di hadapan kita, bukanlah dengan mengubahkan Dasar Parti bahkan apa yang perlu ialah mengubah dan menyesuaikan organisasi parti sebagai alat penggerak rakyat untuk membentuk masyarakat baru yang berdisiplin, berpandangan jauh serta mempunyai nilai-nilai hidup yang moden dan progresif.

Bagaimanapun, adalah penting bagi kita terlebih dulu menanamkan nilai-nilai baru dan disiplin itu pada diri kita sendiri, kalau tidak, tentulah kita tidak akan berjaya menegakkan masyarakat yang kita kehendaki itu.

Keadaan selalu bembah dan kita mesti bersedia menghadapi pembahan itu dan kita haruslah gunakan pembahan untuk memberi seluas-luas faedah kepada rakyat supaya National Front yang kita telah tubuhkan dengan parti-parti lain itu menjadi landasan yang kukuh bagi kestabilan Negara yang kekal, bersatu padu, aman dan makmur.

Saudara-saudara sekalian,

Majlis Kerja Tertinggi telah membuat keputusan bagi mengadakan convention pada 25 dan 26 Ogos, 1973, untuk memberi peluang kepada wakil-wakil dari Bahagian-bahagian bersama dengan pucuk pimpinan parti membincang perkara-perkara yang penting berkaitan dengan dasar Kerajaan. Convention itu akan dibahagi kepada beberapa bengkel menurut perkara-perkara yang akan dibincang. Tujuan mengadakan Convention ini ialah supaya

para perwakilan dapat membincangkan dasar Kerajaan dengan cara mendalam beserta dengan keterangan-keterangan yang disediakan. Bahkan setengah-tengah kertas kerja telahpun disiapkan dan akan diserahkan kepada Bahagian-bahagian dalam Perhimpunan Agung ini supaya dapat disemak sebelum Convention itu kelak.

Dengan adanya perbincangan menurut cara yang dicadangkan itu dapatlah Ketua-ketua UMNO memahami dan mengetahui cara pelaksanaan dasar Kerajaan dan masalah-masalah yang kita hadapi. Dengan itu saya percaya Ketua-ketua dan ahli-ahli UMNO di peringkat Bahagian dan Cawangan dapat memberi sokongan dan Kerjasama dalam menjayakan dasar Kerajaan dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Sungguhpun Perhimpunan Agung ada membincangkan dasar Kerajaan, tetapi oleh sebab kesuntukan masa perbincangan hanya dapat diadakan sepintas lalu sahaja dan sebahagian besar para perwakilan tidak dapat mengambil bahagian.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas kehadiran para perwakilan dari jauh dan dekat pada Perhimpunan Agung kali ini. Selama dua hari ini kita akan membincangkan perkara-perkara yang saya gariskan dalam ucapan ini dan juga beberapa ketetapan-ketetapan yang dikemukakan oleh para perwakilan. Saya harap saudara-saudara akan menggunakan waktu yang ada pada kita sebaik-baiknya dengan memberikan pandangan dan kritik yang membina supaya Persidangan ini dapat memberikan hasil yang berguna demi kepentingan parti kita UMNO, Bangsa dan Negara dan kedudukan serta imej parti kita dipandang tinggi oleh semua pihak baik dari dalam maupun dari luar negeri.

Saya ucapkan kepada para perwakilan selamat bersidang.

Hidup berjaya!



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berucap kepada ahli-ahli UMNO di pembukaan Perhimpunan Agung UMNO kali yang ke 24 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 30hb Jun, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)